

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 07.05.2025 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**

ABDUL HAMID

**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

KARNIVAL KESEDARAN KELESTARIAN ALAM  
SEKITAR DI PANTAI ROBINA ECO PARK

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 MEI 2025 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**ROBINA ECO PARK  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini bagi menyempurnakan **Karnival Kesedaran Kelestarian Alam Sekitar Di Pantai Robina Eco Park.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam penganjuran karnival ini, terutamanya kepada **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tetra Pak Malaysia, Arus Oil, GRN Industries Sdn Bhd, Greenviro Solutions Sdn Bhd, AE Carbon Capital Sdn Bhd, Upcycle MBSP, dan Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW).** Penglibatan agensi kerajaan dan swasta melalui pameran dan aktiviti interaktif amat penting dalam memberikan pendidikan secara holistik kepada komuniti mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja MBSP yang terlibat secara langsung

mahupun tidak langsung serta kepada para peserta dan hadirin sekalian yang turut serta dalam menjayakan karnival ini. Sesungguhnya, inisiatif sebegini mencerminkan komitmen berterusan kita semua dalam memperkasa kesedaran awam terhadap kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan generasi masa hadapan.

4. Program yang dijayakan dengan kerjasama **KPKT** ini merupakan salah satu inisiatif di bawah pelaksanaan **Program Kemampunan Komuniti Bandar (PKKB) 2025** dengan dana berjumlah **RM31,850.00** yang telah disalurkan oleh KPKT. Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KPKT atas sokongan yang amat bermakna ini.
5. Istimewanya pada hari ini, kita turut memperkenalkan buat julung kalinya **Pertandingan Spogomi; satu bentuk sukan inovatif yang berasal dari Jepun** yang menggabungkan elemen sukan dengan aktiviti pengutipan sampah dan pengasingan sisa di punca. Ini satu pendekatan kreatif dan inovatif dalam mendidik komuniti secara menyeluruh. Pertandingan ini telah melibatkan penyertaan **30 buah sekolah merangkumi murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah serta para guru yang bergiat aktif dalam inisiatif Sekolah Hijau anjuran GREW**. Inisiatif ini amat signifikan dalam membentuk kesedaran sejak di bangku sekolah akan tanggungjawab sosial terhadap pemeliharaan alam sekitar.

6. Apa yang lebih membanggakan, **Pertandingan Spogomi** yang berlangsung pada hari ini merupakan pertandingan peringkat Pulau Pinang, yang turut berperanan sebagai **platform pemilihan rasmi wakil negeri** ke pertandingan di peringkat kebangsaan. **Tiga (3) pasukan terbaik** akan dipilih untuk membawa nama Pulau Pinang ke pentas nasional, dan seterusnya, **juara peringkat kebangsaan** akan menerima penajaan bagi menyertai pertandingan **Spogomi peringkat antarabangsa di Jepun**. Usaha ini bukan sahaja membuka ruang kepada para peserta untuk bersaing di persada dunia, malah turut memberi pendedahan kepada **budaya kelestarian bertaraf global** yang dipraktikkan secara menyeluruh di peringkat antarabangsa.
7. Selain daripada pertandingan Spogomi, program hari ini turut dimeriahkan dengan **bengkel pembuatan barang upcycle** serta **bengkel membuat sabun oleh para pekerja MBSP** sendiri. Pendekatan ini bertujuan memperkenalkan konsep **upcycle** kepada komuniti setempat sebagai satu elemen penting dalam pembangunan mampan, dengan matlamat untuk mengurangkan sisa pepejal yang terus dihantar ke **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung**.
8. Objektif utama karnival ini merangkumi:
- Menggalakkan komuniti mengamalkan pengasingan sisa di punca serta amalan kitar semula;

- b) Memberi pendedahan dan latihan kepada masyarakat berkenaan konsep upcycle bagi menghasilkan produk berasaskan bahan terpakai; dan
- c) Mewujudkan jaringan sosial dan hubungan komuniti yang utuh melalui aktiviti berteraskan pendidikan dan penjagaan alam sekitar.
9. Adalah menjadi harapan saya agar usaha murni ini akan memberi impak yang signifikan dalam merealisasikan **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG)** khususnya:
- a) **SDG 3:** Kehidupan sihat dan kesejahteraan untuk semua peringkat umur;
- b) **SDG 4:** Pendidikan berkualiti dan berterusan; dan
- c) **SDG 11:** Bandar dan komuniti yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.
10. Saya menyeru agar segala ilmu, pendedahan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang karnival ini dapat dijadikan amalan berterusan oleh semua lapisan masyarakat. Kejayaan kita dalam memelihara dan melestarikan alam sekitar bukan hanya bergantung kepada pihak berkuasa semata-mata, tetapi juga terletak pada **tanggungjawab kolektif** kita sebagai warga yang prihatin dan bertanggungjawab.

MBSP komited untuk terus memperkasa dasar dan program ke arah  
**“Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau,  
Kompetitif dan Bandar Pintar.”**

11. Akhir kata, tahniah saya ucapan kepada seluruh warga kerja MBSP serta semua peserta dan rakan strategik yang menjayakan karnival ini. Semoga karnival ini akan menjadi pencetus kepada transformasi cara kita berfikir dan bertindak terhadap alam sekitar; bukan sekadar untuk hari ini, tetapi demi masa depan generasi akan datang.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***